

Kanak-kanak di India semakin gemuk melampau

NEW DELHI - India mengalami tahap membimbangkan mengenai masalah obesiti atau kegemukan dalam kalangan kanak-kanak dan pakar menjelaskan ia akan menjadi 'wabak' jika kerajaan tidak menanganinya dengan segera, lapor *BBC*.

Laporan terbaharu Tinjauan Kesihatan Keluarga Kebangsaan (NFHS-5) yang dijalankan pada 2019 hingga 2021 mendapati 3.4 peratus kanak-kanak berumur bawah lima ta-

hun mengalami masalah obesiti berbanding tahun sebelumnya iaitu 2.1 peratus pada 2015 hingga 2016.

Dr Arjan de Wagt yang selaku Ketua Nutrisi Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) di India menyatakan bahawa walaupun jumlah 'sangat kecil' boleh bermakna boleh menjadi angka yang besar kerana jumlah penduduk India semakin ramai.

Menurut Atlas Obesiti Dunia

UNICEF pada 2022 menjangkakan bahawa India diramalkan mempunyai 27 juta kanak-kanak gemuk atau mewakili 10 peratus di seluruh dunia menjelang tahun 2030.

Ia sekaligus menduduki carta ke-99 dari 183 di negara seluruh dunia.

"Tabiat tidur lewat dan sering makan malam atau makan makanan ringan yang tidak berzat menyumbang kepada masalah obesiti di kalangan kanak-kanak," kata Waght - *Agensi*